

# Petani kecil mula rasai manfaat bioteknologi

UM - 19/5/2006

Adalah penting bagi projek yang menggunakan kaedah bioteknologi melibatkan rakyat

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

**PULAU PANGKOR** 18 Mei - Penggunaan kaedah bioteknologi dalam sektor pertanian negara semakin berkembang pesat dan manfaatnya kini dirasakan petani kecil di luar bandar, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, ia semakin mendapat sambutan baik rakyat yang sudah mula melihat potensi bioteknologi sebagai sesuatu yang boleh menjamin nilai baru dan nilai tambahan bagi projek sedia ada.

"Adalah penting bagi projek yang menggunakan kaedah bioteknologi seperti ini melibatkan rakyat.

"Sebagai pusat pertama yang menetasikan anak dan mengeluarkan ikan laut di darat, adalah penting agar produknya nanti dinikmati secara meluas oleh para peternak dan pengguna.

"Projek Hi-Q ini yang pertama di dunia akan membolehkan ikan di laut diternak dan tetas di darat. Sepatutnya berlaku di laut tetapi dengan bioteknologi ia boleh dilakukan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melancarkan Taman Organik Hi-Q, Global Hi-Q Biotech Sdn. Bhd. di Teluk Dalam di sini hari ini.


Abdullah berkata, sambutan menggalakkan terhadap kaedah bioteknologi adalah kerana potensi tinggi nilai mutu produk ikan, tanaman dan haiwan yang menggunakan kaedah sains itu.

"Penggunaan sains bioteknologi ini kerana kaedah ini boleh tingkat lagi produktiviti dan mutu, dapat harga yang lebih baik untuk pasaran tempatan dan eksport," katanya.

Beliau yang sebelum itu melawat ladang Ladang Jenderata milik United Plantation Berhad di Hutan Melintang berkata, kaedah bioteknologi yang digunakan oleh ladang berkenaan telah membantu petani kecil mengeluarkan pisang dan kelapa yang bermutu tinggi.

Menurut Perdana Menteri, ladang berkenaan melalui kaedah tisu kultur telah menghasilkan benih anak pisang dan kelapa bermutu tinggi yang dijual dengan harga berpatutan kepada petani tempatan.

Abdullah berkata, usaha itu telah mem-



**ABDULLAH Ahmad Badawi** diberi penerangan oleh pakar bioteknologi Taiwan, **Johnson Chang** (kiri) mengenai benih ikan kerapu sambil diperhatikan oleh **Mohd. Nasir Mohd. Rashid** (kanan) pada Majlis Pecah Tanah Taman Organik Hi-Q Bio Tech Sdn. Bhd. di Teluk Dalam, Pulau Pangkor, Perak semalam.

bantu penduduk menanam pokok pisang dan kelapa bermutu tinggi bagi menambah pendapatan mereka, katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut mengingatkan usahawan yang menjadikan

bioteknologi sebagai teras perniagaan supaya tidak ghairah menceburi sektor perniagaan lain sebelum perniagaan teras stabil dan berjaya.

Katanya, sikap tamak untuk turut

terbabit dalam pelbagai perniagaan lain akan menyebabkan mereka berhadapan dengan masalah kekurangan modal bagi membiayai perusahaan bioteknologi yang sentiasa berkembang.